

PERATURAN PENGANUGERAHAN DIPLOMA
KOLEJ ISLAM SAINS & TEKNOLOGI

1. Pelajar semester akhir yang akan menyempurnakan kursus adalah di kehendaki memohon untuk penganugerahan diploma. Pelajar yang mengulang subjek atau pelajar yang meneruskan pengajian kerana membaiki CGPA tidak perlu memohon untuk penganugerahan pada semester terbabit tetapi permohonan hendaklah dibuat semasa akhir pengajian pelajar.
2. Pelajar-pelajar bukan semester akhir dan pelajar lain selain daripada yang dinyatakan diperenggan 1 di atas adalah tidak layak memohon. Jika sekiranya mereka mengemukakan permohonan, mereka akan dikenakan denda sebanyak RM25.00
3. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan borang KIST/B-HEA/08-01 di dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh kolej. Pelajar hendaklah menyerahkan borang tersebut kepada jabatan HEA. Pelajar dinasihatkan untuk menyimpan satu salinan untuk rujukan pelajar. Kegagalan pelajar menyerahkan borang tersebut ke Jabatan HEA adalah dianggap sebagai tidak mengemukakan sebarang permohonan penganugerahan.
4. Tarikh tutup permohonan ialah 30 hari sebelum peperiksaan hujung semester bermula. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan dikenakan denda sebanyak RM25.00.
5. Pelajar yang tidak memohon atau mengemukakan borang permohonan ke Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) selepas tarikh atau tempoh di atas tidak boleh dipertimbangkan. Walaubagaimanapun, mereka bolehlah mengemukakan permohonan masing-masing di dalam tempoh yang ditetapkan dalam semester yang berikutnya.
6. Hanya pelajar yang telah memohon untuk penganugerahan diploma dalam tempoh tersebut sahaja yang boleh disyorkan oleh HEA untuk disahkan oleh Lembaga Akademik sebagai layak dianugerahkan diploma.
7. Pelajar yang telah menamatkan pengajian boleh memohon penganugerahan diploma tidak lewat dari dua (2) tahun selepas tamat pengajian. Pemohonan yang di buat atau diterima oleh Pejabat HEA selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.